

LAWATAN KE KOREA PM TERIMA JEMPUTAN

KUALA LUMPUR, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menerima jemputan Presiden Korea Utara, Kim Il Sung melawat negara itu dan tarikhnya akan diuruskan.

Ini dinyatakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Zakaria Ali kepada pemberita selepas Datuk Seri Dr. Mahathir berunding dengan rakan sejawatnya dari Korea Utara, Encik Li Jong Ok dan rombongan masing-masing pagi ini.

Katanya, jemputan itu yang terkandung dalam sepucuk surat dari Presiden Kim telah diserahkan oleh Encik Li semasa pertemuan setengah jam antara kedua-dua Perdana Menteri itu.

Tan Sri Zakaria berkata, walaupun kedua pihak tidak menyetujui perkara-perkara tertentu dalam perbincangan mereka, kedua-dua pemimpin itu bersetuju bahawa menteri-menteri masing-masing hendaklah bertemu lagi pada hari Isnin untuk membincangkan kerjasama dalam bidang-bidang tertentu termasuk perdagangan, perkhidmatan pos dan hal ehwal luar negeri.

Semasa pertemuan itu, Tan Sri Zakaria berkata, Datuk Seri Dr. Mahathir mengalu-alukan hasrat rakan sejawatnya dari Korea Utara itu untuk mencari jalan bagi memajukan lagi hubungan antara kedua negara.

Beliau menyebut bahawa lawatan satu pasukan jurutera Malaysia meninjau projek-projek hidro-mini dan satu lagi pasukan meninjau rekabentuk pentas teater tahun lalu sebagai salah satu cara Malaysia menerokai untuk mengukuhkan hubungan dua hala.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga menekankan perlunya diwujudkan lebih banyak pertukaran perdagangan antara kedua negara.

Tan Sri Zakaria Ali berkata, dalam sidang pleno yang diadakan selepas pertemuan itu, Encik Li telah menyetujui tentang kemungkinan mewujudkan pertukaran barangan, teknologi dan pengetahuan oleh kerana kedua-dua negara itu dapat saling bantu membantu antara satu dengan lain dalam peringkat usaha pembangunan mereka yang ada sekarang.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang bersetuju dengannya berkata, sungguhpun Malaysia tidak melibatkan diri dalam perdagangan bertukar-tukar barangan, ia bersedia meninjau kemungkinan mengadakan pertukaran barangan seperti minyak sawit, getah dan gas bagi Korea Utara dan sebaliknya mendapat arang batu dan besi waja dari sana tertakluk kepada harga pasaran.

Lawat Masjid Negara

Tan Sri Zakaria berkata, Encik Li juga mengemukakan kemungkinan mengadakan satu perjanjian perkhidmatan pos dan telekom.

Datuk Seri Dr. Mahathir bersetuju bahawa satu perbincangan awal mengenai perjanjian penghantaran bungkusan akan diadakan oleh pegawai-pegawai kedua negara.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga bersetuju mereka boleh mengkaji kemungkinan mengadakan perjanjian perkhidmatan udara antara kedua-dua negara untuk memudahkan pertukaran lawatan.

Mengenal kedudukan antarabangsa, kedua-dua Perdana Menteri bersetuju, kuasa-kuasa besar jangan terlibat dalam hal ehwal serantau supaya negara-negara berkenaan dapat memupuk keamanan dan kestabilan.

Perdana Menteri Korea Utara, berkata Timur Laut Asia dan Tenggara Asia adalah saling berkait dalam soal keamanan dan kestabilan dan keamanan di Asia Tenggara adalah penting bagi keamanan di Asia.

Katanya, dalam hubungan ini, Korea Utara, menyokong Asean dalam usahanya untuk mewujudkan kawasan aman, bebas dan berkecuali di Asia Tenggara.

Mengenal pergerakan negara-negara berkecuali yang Malaysia dan Korea Utara menjadi anggotanya, Tan Sri Zakaria berkata, kedua-dua pemimpin itu bersetuju mengenai peranan yang dimainkan oleh pergerakan itu untuk mengelakkan peperangan antara kuasa-kuasa besar.

Mereka juga bersetuju tentang perlunya dikekalkan 'keaslian' pergerakan tersebut.

Pagi tadi Encik Li melawat Masjid Negara dan pusara Allahyarham Tun Abdul Razak.

Encik Li yakin lawatan rombongannya akan mengukuhkan lagi hubungan antara kedua-dua negara.

No. Siri 2369
No. Penermaan 113/85